


2014/
2015

SISTEM MERIT

KOLEJ TUN SYED NASIR

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

1. PROSEDUR PEMARKAHAN MERIT
2. TERMA & SYARAT PERMOHONAN & PEMARKAHAN MERIT
3. JADUAL PEMARKAHAN MERIT
4. PERSOALAN & JAWAPAN SISTEM MERIT KTSN 2014/2015
5. CONTOH BORANG PERMOHONAN MERIT
6. CONTOH BORANG RAYUAN MERIT



KOLEJ TUN SYED NASIR


UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA



PROSEDUR PERMOHONAN MERIT PROGRAM

PERINCIAN	JANGKAMASA DARI TARIKH PROGRAM
Penyediaan kertas kerja Program.	Selewat-lewatnya 4 Minggu sebelum
Isi borang permohonan merit (muat turun dari laman web KTSN).	
Penghantaran kertas kerja, borang permohonan, & salinan carta organisasi ke Bilik MEP.	
Perbincangan antara MEP & felo pemantau.	3 Minggu sebelum
Surat kelulusan dikeluarkan oleh Eksekutif Pentadbiran MEP berserta tawaran merit, skema pemarkahan merit serta salinan carta organisasi yang disahkan.	2 Minggu sebelum
Program berlangsung (sekiranya diluluskan).	-
Penyediaan laporan aktiviti, cadangan pemarkahan merit organisasi (<i>softcopy</i>), mesyuarat <i>post-mortem</i> Program & penghantaran laporan ke Bilik MEP.	2 Minggu selepas
Semakan laporan oleh felo pemantau & keputusan markah merit.	4 Minggu selepas
Kemasukan data merit oleh S/U Program & semakan oleh felo.	5 Minggu selepas
Pengesahan markah merit oleh Timb. Pengetua & paparan merit di laman web KTSN & papan kenyataan MEP.	6 Minggu selepas
Rayuan semakan pemarkahan merit (sekiranya ada).	
Rayuan semakan pemarkahan merit (sekiranya ada) & bayaran RM 5.00 (felo pamantau).	Tempoh 7 hari selepas paparan merit dikeluarkan.
Paparan merit selepas rayuan (sekiranya melebihi 30% daripada jumlah organisasi).	Seminggu selepas rayuan

CARTA ALIR PERMOHONAN MERIT PROGRAM



TERMA & SYARAT PERMOHONAN & PEMARKAHAN MERIT PROGRAM

1. Hanya program anjuran kelab/persatuan KTSN, mewakili kolej/universiti dan anjuran fakulti sahaja yang layak memohon.
2. Borang permohonan merit hanya boleh dilengkapkan oleh Pengarah, Timb. Pengarah atau Setiausaha program sahaja (kecuali permohonan individu).
3. Borang permohonan merit perlulah mendapat pengesahan felo pemantau atau pensyarah fakulti yang terlibat.
4. Kertas kerja dan carta organisasi program wajib diserahkan bersama borang permohonan merit ke Eksekutif Pentadbiran MEP lengkap dengan maklumat berikut:
 - a. Nama
 - b. No. Matrik
 - c. Fakulti
 - d. Jawatan didalam program
5. Keputusan permohonan merit akan dimaklumkan selewat-lewatnya 2 minggu selepas tarikh permohonan.
6. Keputusan permohonan merit adalah muktamad dan segala rayuan (sekiranya ada) bergantung kepada budi bicara MEP dan Felo.
7. Pemberian merit bergantung kepada penghantaran laporan aktiviti kelab dan mesyuarat *post-mortem* program.
8. Laporan yang tidak lengkap, tidak mengikut format dan lewat (melebihi 2 minggu selepas progam) tidak akan dilayan.
9. Setiausaha program perlu menyediakan cadangan pemarkahan merit bagi organisasi program didalam bentuk *softcopy* bagi memudahkan proses *key-in* merit.
10. Pemberian merit mengikut kategori seperti yang dipohon tertakluk kepada laporan aktiviti & mesyuarat *post-mortem* program yang dihadiri oleh Felo Pemantau, Timb. Pengetua atau Pengetua.
11. Aktiviti atau program yang tidak mencapai impak piawaian kategori yang dipohon akan diturunkan kepada kategori yang bersesuaian dan sebaliknya.
12. Pemberian demerit akan diberikan kepada pelajar yang melakukan perkara berikut:
 - a. Melanggar peraturan kolej.
 - b. Menarik diri dari organisasi.
 - c. Tidak menjalankan tugas dalam sesuatu program dengan baik.
13. Pengiraan merit digunakan sebagai panduan kepada pihak pentadbiran untuk menempatkan pelajar di KTSN 1, 5 dan Plaza Rah.

JADUAL PEMARKAHAN MERIT 2014/2015 KOLEJ TUN SYED NASIR

Program Kolej

BIL	JAWATAN	KOD	MEGA	MAJOR	MINOR
1	MEP Pemantau	MP	60	40	30
2	Pengarah	P	50	30	25
3	Timbalan Pengarah	TP	30	20	15
4	Setiausaha	SU			
5	Bendahari	B			
6	Exco (selain **)	EX	20	15	10
7	AJK (selain **)	AJK	15	10	6
8	Peserta dan Hadir	PT	3	3	3

**Exco dan AJK

BIL	JAWATAN	KOD	MEGA	MAJOR	MINOR
1	Exco Pemasaran Exco Program Exco Protokol Exco Teknikal	EP EPg EPt ET	25	17	13
2	AJK Pemasaran AJK Program AJK Protokol AJK Teknikal	AJKP AJKPg AJKPt AJKT	17	12	8

Kelab dan Persatuan Kolej

BIL	JAWATAN	KOD	MERIT
1	Presiden	P	30
2	Naib Presiden	NP	20
3	Setiausaha	SU	
4	Bendahari	B	
5	Ketua Unit	KU	
6	Exco	EX	15
7	AJK	AJK	10
8	Ahli	A	3

Persembahan Terpilih Kelab dan Persatuan Kolej

BIL	JAWATAN	KOD	MERIT
1	Seni Mempertahankan Diri	MA	10
2	Pengadil	RF	
3	Sanggar Seni	SS	
4	Tutor Unit Bahasa Mandarin	TU	

Lain-lain

BIL	JAWATAN	KOD	MERIT
1	Setiausaha Khas MEP	SUK	25
2	Ketua Blok	KB	15
3	Ketua Aras	KA	10

Aktiviti atau Pertandingan Mewakili Kolej

BIL	JAWATAN	KOD	MERIT
1	Pengarah	P	50
2	Peserta dan Hadir	PT	35
3	Timbalan Pengarah	TP	35
4	Setiausaha	SU	
5	Bendahari	B	
6	Exco	EX	25
7	AJK	AJK	15
8	Kedudukan; 1. Pertama/Emas	M1	50
	2. Kedua/Perak	M2	40
	3. Ketiga/Gangsa	M3	30
9	Anugerah Khas	MK	30

Aktiviti atau Pertandingan Mewakili Universiti

BIL	JAWATAN	KOD	MERIT
1	Pengurus/Peserta & Hadir	PG/P	60
2	Kedudukan; 1. Pertama/Emas	M1	60
	2. Kedua/Perak	M2	50
	3. Ketiga/Gangsa	M3	40
3	Anugerah Khas	MK	40

MISKOL**

BIL	JAWATAN	KOD	MERIT
1	Pengarah	P	30
2	Peserta Kawad Kaki	PT	10
3	Timbalan Pengarah	TP	20
4	Setiausaha	SU	
5	Bendahari	B	
6	Exco	Ex	15
7	AJK	AJK	10
8	Atlit	A	20

**Tiada merit pencapaian

Program Fakulti

BIL	JAWATAN	MERIT
1	Pengarah	15
2	Timbalan Pengarah	10
3	Setiausaha	
4	Bendahari	
5	Exco/Fasilitator	5
6	AJK	3

Kehadiran bagi setiap latihan / tugas

BIL	JAWATAN	KOD	MERIT**
1	Taekwondo / Silat	L	5
2	Kebudayaan	KB	5
3	Kelab Toh Puan / Pustaka / K-Shop / BSMM	T	5
4	Kelas Mingguan (Cth: kelas kaligrafi unit bahasa mandarin, kelas tajwid, ceramah mingguan BADAR)	KM	5
5	Latihan Sukan (Cth: Badminton, Bola Baling, Kawad Kaki)	LS	5

**Kehadiran tertakluk kepada maksimum 20 kali bagi satu semester.

Demerit

JAWATAN	DEMERIT
MT dan MEP Pemantau	-50
AJK	-30

PERSOALAN & JAWAPAN SISTEM MERIT 2014/2015 KOLEJ TUN SYED NASIR

S: Program-program yang telah dijalankan bagi sesi 2014/2015, perlukah menghantar borang permohonan merit?

J: Perlu isi borang permohonan merit dan lampirkan bersama laporan aktiviti.

S: Permohonan merit untuk fasilitator program-program anjuran pihak lain?

J: Fasilitator bagi sesuatu program layak diberikan markah merit Exco Program dengan syarat mempunyai surat lantikan.

S: Adakah pengadil pertandingan dapat merit?

J: Pelajar yang bertugas sebagai pengadil sesuatu pertandingan layak diberikan merit kategori Persembahan Terpilih dengan syarat menerima surat lantikan atau jemputan.

S: Jemputan perkhidmatan BSMM dalam aktiviti-aktiviti anjuran kelab/persatuan lain?

J: Perkhidmatan BSMM layak diberi merit tugasan bagi setiap perkhidmatan yang diperlukan oleh aktiviti anjuran kelab/persatuan lain dengan syarat mempunyai surat jemputan.

S: Bayaran rayuan RM5 untuk apa?

J: Bayaran permohonan rayuan bernilai RM5 adalah sebagai bayaran pemprosesan semula merit.

S: Ahli akan menerima demerit atau tidak?

J: Tidak, tetapi ahli tersebut tidak akan diberi merit langsung sekiranya melakukan perkara-perkara yang dilarang.

S: Siapakah yang layak untuk memberi demerit?

J: Pemberian demerit hanya akan dilakukan oleh Felo Pemantau, Timb. Pengetua dan Pengetua sahaja berdasarkan pemantauan, laporan aktiviti & *post mortem* yang dijalankan.

S: Mengapakah markah bagi peserta pertandingan mewakili kolej/universiti tinggi?

J: Penyertaan pertandingan yang mewakili kolej atau universiti memerlukan kemahiran tertentu dan dipilih melalui saringan-saringan terlebih dahulu sebelum diberi kepercayaan mewakili kolej/universiti. Sekiranya jawatankuasa organisasi pertandingan juga adalah peserta, pelajar tersebut akan menerima gabungan markah organisasi dan markah peserta.

S: Apakah program yang dimaksudkan dengan program berimpak tinggi?

J: Program berimpak tinggi adalah satu program yang berjaya mendapat perhatian pelbagai lapisan masyarakat luar, member kesan kepada komuniti terlibat, penajaan & sumbangan pihak luar yang memberangsangkan, keuntungan program yang besar serta program dijalankan berterusan setiap tahun atau secara berkala.

S: Sukan intervarsiti fakulti merit kategori apa?

J: Sukan intervarsiti fakulti hanya layak diberikan markah merit fakulti kerana penglibatan program hanyalah dibawah nama/kapasiti fakulti dan dianjurkan oleh pihak fakulti. Oleh itu, ganjaran atau penghargaan kepada penglibatan tersebut seharusnya diberikan oleh pihak fakulti.

S: Program fakulti ke luar negara di bawah kategori merit apa?

J: Program-program fakulti yang melibatkan penyertaan ke luar negara, sebagai contoh, Simposium Sains Bioperubatan juga merupakan program yang dianjurkan dibawah kapasiti fakulti. Sekalipun ia membawa nama UKM dipersada antarabangsa, ganjaran atau penghargaan tersebut seharusnya diberikan oleh pihak fakulti, dan bukan dari pihak kolej kediaman. Sebagai contoh, program yang layak mendapat merit universiti adalah seperti Kejohanan Sukan MASUM (Majlis Sukan Universiti Malaysia) dan juga penyertaan UKM FC dalam Liga Bola Sepak IPT. Pertandingan-pertandingan ini jelas membawa nama Universiti Kebangsaan Malaysia secara keseluruhannya dan peringkat saringan penyertaan tersebut adalah dari seluruh pelajar UKM tanpa mengira keterlibatan fakulti.

BORANG RAYUAN MERIT

- Borang ini harus diterima oleh MEP dalam tempoh satu minggu (7 hari) dari tarikh markah merit dipaparkan.
- Sila sertakan bayaran RM 5.00 sebagai bayaran pemprosesan semakan semula markah merit.

A. Maklumat pemohon:

Nama: _____

No. Matrik: _____ Fakulti: _____

No. Telefon: _____ Tahun Pengajian: _____

Jawatan dalam program: _____

B. Maklumat program:

Nama program: _____

Tarikh program: _____

Anjuran: _____

C. Alasan rayuan:

Tandatangan pemohon:

Tarikh:



CATATAN